

EVALUATING THE USABILITY OF DARURIYYAT CONSTRUCTS IN THE SHARIAH-COMPLIANT HOTEL MODEL USING THE NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT)

PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN KONSTRUK DARURIYYAT DALAM MODEL HOTEL PATUH SYARIAH MENGGUNAKAN TEKNIK KUMPULAN NOMINAL (*NOMINAL GROUP TECHNIQUE*)

Siti Nur Husna Abd Rahmanⁱ, Rafidah Mohd Azliⁱⁱ, Nursafra Mohd Zhaffarⁱⁱⁱ & Siti Nadiyah Babge^{iv}

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, Malaysia. snhusna@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, Malaysia. rafidah2262@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, 71300, Negeri Sembilan, Malaysia. nursafra@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah, Kolej Universiti Agrosains Malaysia, Melaka. nadiyah.angah@gmail.com

Article Progress

Received: 1 June 2026

Revised: 25 June 2026

Accepted: 30 June 2026

Abstract	<i>This study aims to evaluate the usability of the Daruriyyat construct as a fundamental component in developing a Shariah-Compliant Hotel Service Model based on Maqasid Shariah in Malaysia. The Daruriyyat construct encompasses five core elements: the preservation of religion (hifz al-din), life (hifz al-nafs), intellect (hifz al-'aql), lineage (hifz al-nasl), and wealth (hifz al-mal). The Nominal Group Technique (NGT) was employed to obtain expert consensus on the suitability of this construct within the context of Shariah-compliant hotel services. A total of seven (7) experts, comprising academicians, industry practitioners, and Shariah authorities, participated in the NGT session. Findings indicate a high level of consensus among experts across all Daruriyyat elements, thereby confirming its usability as the foundation of the proposed model. These findings not only strengthen the development of the Shariah-Compliant Hotel Service Model but also provide significant implications for the Islamic hospitality industry in ensuring the holistic application of Maqasid Shariah principles.</i> Keywords: Shariah-Compliant, Hotel, Daruriyyat, Nominal Group Technique (NGT), Services.
Abstrak	<i>Kajian ini bertujuan menilai kebolehgunaan konstruk Daruriyyat sebagai komponen asas dalam pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia. Konstruk Daruriyyat merangkumi lima elemen utama iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-'aql), pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), dan pemeliharaan harta (hifz al-mal). Kaedah Nominal Group Technique (NGT) digunakan bagi mendapatkan konsensus pakar berkaitan kesesuaian konstruk tersebut dalam konteks</i>

perkhidmatan hotel patuh Syariah. Seramai tujuh (7) orang pakar, yang terdiri daripada akademia, pengamal industri, dan pihak berautoriti Syariah telah terlibat dalam sesi perbincangan NGT. Hasil kajian menunjukkan tahap konsensus tinggi dicapai terhadap semua elemen Daruriyyat, sekali gus mengesahkan kebolegunaannya sebagai asas model. Dapatan ini bukan sahaja memperkukuh pembangunan model perkhidmatan hotel patuh Syariah, malah memberikan implikasi penting kepada industri perhotelan Islam dalam memastikan pematuhan berteraskan Maqasid Syariah dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Kata kunci: *Patuh Syariah, Hotel, Daruriyyat, Nominal Group Technique (NGT), Perkhidmatan.*

PENDAHULUAN

Industri perhotelan Islam semakin mendapat perhatian global selaras dengan pertumbuhan pelancongan halal yang pesat. Malaysia, khususnya, berpotensi besar menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan hospitaliti yang patuh Syariah kerana kedudukannya sebagai destinasi pelancongan Islamik utama (Battour & Ismail, 2016; Kamarudin & Ismail, 2020).

Konsep hotel patuh Syariah bukan sahaja menekankan aspek halal dalam penyediaan makanan dan minuman, tetapi juga meliputi nilai dan prinsip yang lebih menyeluruh, iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta yang digariskan dalam kerangka Maqasid Syariah (Dusuki & Abdullah, 2007).

Walaupun piawaian seperti MS2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS) telah diperkenalkan di Malaysia, pelaksanaannya masih berhadapan dengan cabaran seperti kefahaman yang terhad, infrastruktur yang tidak seragam, dan daya saing industri yang belum konsisten (Zailani et al., 2019; ITC, 2021). Hal ini menunjukkan terdapat keperluan untuk membangunkan model perkhidmatan hotel patuh Syariah yang lebih komprehensif, berpaksikan prinsip Maqasid Syariah sebagai kerangka asas.

Dalam kerangka tersebut, konstruk Daruriyyat dilihat sebagai komponen paling kritikal kerana ia merangkumi keperluan asas manusia yang perlu dipelihara untuk menjamin kesejahteraan hidup. Lima elemen utama Daruriyyat iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl), dan harta (hifz al-mal) telah menjadi asas dalam penggubalan pelbagai dasar dan polisi Syariah (Auda, 2008; Kamali, 2019).

Namun begitu, dalam konteks industri perhotelan, masih kurang kajian empirikal yang menilai kebolegunaan konstruk ini secara sistematik (Samori et al., 2016). Bagi menjawab jurang kajian ini, kajian ini menggunakan Nominal Group Technique (NGT) sebagai kaedah untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap kesesuaian konstruk Daruriyyat dalam pembangunan model hotel patuh Syariah.

Kaedah ini dipilih kerana ia bukan sahaja menggabungkan penilaian kuantitatif dan kualitatif, malah menjamin keterlibatan seimbang dalam kalangan pakar (Delbecq et al., 1975; Harvey & Holmes, 2012). Oleh itu, dapatan kajian ini dijangka menyumbang kepada pengukuhan teori serta amalan dalam bidang hospitaliti Islam, selain memberikan panduan praktikal kepada pengusaha hotel dalam memastikan perkhidmatan yang disediakan benar-benar selari dengan tuntutan Syariah.

SOROTAN LITERATUR

Hotel patuh Syariah merupakan satu bentuk perkhidmatan hospitaliti yang berlandaskan prinsip Syariah Islam. Konsep ini tidak hanya menekankan kepada penyediaan makanan dan minuman halal, tetapi turut merangkumi aspek yang lebih menyeluruh seperti kemudahan ibadah, polisi larangan aktiviti haram, pemisahan fasiliti mengikut jantina, serta pemeliharaan nilai moral dalam operasi harian hotel.

Kajian Samori et al. (2016) mendapati bahawa pelancong Muslim semakin memberi keutamaan kepada ciri-ciri patuh Syariah ketika memilih penginapan, manakala Battour dan Ismail (2016) menegaskan bahawa Malaysia mempunyai potensi besar sebagai destinasi pelancongan halal kerana menawarkan ekosistem mesra Muslim yang lebih menyeluruh berbanding negara lain.

Bagi memastikan pelaksanaan konsep ini, pelbagai piawaian dan garis panduan telah diperkenalkan di peringkat domestik dan antarabangsa. Di Malaysia, piawaian MS2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS) yang dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia berfungsi sebagai panduan rasmi kepada industri. Piawaian ini memberi penekanan kepada penyediaan makanan halal, kemudahan ibadah, dan latihan kakitangan (ITC, 2021).

Walau bagaimanapun, pelaksanaannya masih menghadapi cabaran daripada aspek kefahaman pengusaha hotel, infrastruktur yang tidak seragam, serta tahap penerimaan pasaran yang berbeza-beza (Zailani et al., 2019). Di peringkat antarabangsa, piawaian seperti Salam Standard (2015) memperincikan tahap pematuhan hotel berdasarkan kategori Bronze, Silver, Gold dan Platinum, dengan memberi fokus kepada kemudahan ibadah dan makanan halal.

CrescentRating Standard pula digunakan secara meluas di negara seperti Singapura, Jepun dan Korea Selatan, manakala laporan tahunan Global Muslim Travel Index (GMTI) yang diterbitkan oleh Mastercard-CrescentRating secara konsisten menempatkan Malaysia di kedudukan teratas sebagai destinasi mesra Muslim (Mastercard-CrescentRating, 2022). Perbandingan antara piawaian ini menunjukkan bahawa wujud usaha global untuk memperkenalkan garis panduan hospitaliti Islam, namun pendekatan yang digunakan masih berbeza dan tidak seragam.

Malaysia menekankan kepada penggubalan standard kebangsaan, manakala CrescentRating dan Salam Standard lebih bersifat komersial untuk tujuan pemasaran antarabangsa. Hal ini menunjukkan keperluan kepada satu model holistik yang berasaskan kerangka Maqasid Syariah. Dalam konteks teori, Maqasid Syariah merupakan objektif utama Syariah yang bertujuan memastikan kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi (Auda, 2008; Kamali, 2019).

Konstruk Daruriyyat yang menjadi asas kepada Maqasid Syariah merangkumi lima elemen utama iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Elemen-elemen ini dapat diterjemahkan secara praktikal dalam konteks perhotelan Islam melalui penyediaan surau, arah kiblat, makanan halal, persekitaran yang bersih dan selamat, larangan arak serta hiburan tidak bermoral, pemisahan fasiliti mengikut jantina, serta transaksi kewangan yang telus dan adil.

Walaupun kerangka teoritikal ini sudah mantap, masih terdapat kekurangan dari segi kajian empirikal yang menilai keberkesanan dan kebolehgunaan konstruk Daruriyyat dalam industri hotel secara khusus. Beberapa kajian empirikal mendapati bahawa permintaan pelanggan Muslim terhadap perkhidmatan patuh Syariah semakin meningkat, namun pelaksanaannya masih bersifat fragmentasi. Samori et al. (2016) melaporkan bahawa kebanyakan hotel di Malaysia berada pada tahap awal pelaksanaan elemen Syariah, khususnya dari segi pemisahan fasiliti dan polisi operasi.

Stephenson (2014) pula dalam kajian di Indonesia dan Thailand mendapati bahawa perkhidmatan hotel mesra Muslim lebih tertumpu kepada penyediaan makanan halal tetapi mengabaikan aspek ibadah dan pemisahan sosial. Keadaan ini turut berlaku di negara bukan Islam seperti Jepun dan Korea Selatan yang lebih menekankan penyediaan makanan halal serta kemudahan solat mudah alih sebagai strategi menarik pelancong Muslim (CrescentRating, 2020).

Walaupun langkah tersebut relevan untuk tujuan pemasaran, ia masih jauh daripada memenuhi kerangka Maqasid Syariah yang menuntut pemeliharaan menyeluruh. Kaedah Nominal Group Technique (NGT) telah digunakan secara meluas dalam penyelidikan bagi menilai konsensus pakar. Delbecq et al. (1975) menjelaskan bahawa NGT merupakan teknik berstruktur yang sesuai digunakan untuk menentukan keutamaan

secara kolektif, kerana ia membolehkan semua peserta memberi pandangan tanpa dominasi pihak tertentu.

Harvey dan Holmes (2012) turut menegaskan bahawa kelebihan NGT terletak pada gabungan penilaian kuantitatif dan kualitatif, menjadikan dapatan lebih objektif dan representatif. Dalam konteks kajian hotel patuh Syariah, penggunaan NGT dapat menutup jurang kajian yang wujud dengan membolehkan konstruk Daruriyyat dinilai secara sistematik oleh pakar akademik, pengamal industri, dan pihak berautoriti Syariah.

Rumusan daripada literatur menunjukkan bahawa meskipun terdapat pelbagai usaha dalam membangunkan piawaian hospitaliti Islam di peringkat domestik dan antarabangsa, masih belum ada satu model yang benar-benar berasaskan kerangka Maqasid Syariah. Kebanyakan kajian terdahulu hanya memberi penekanan kepada aspek halal dan kemudahan asas, namun tidak menilai konstruk Daruriyyat secara menyeluruh dan empirikal. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut dengan menilai kebolegunaan konstruk Daruriyyat sebagai asas kepada Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah melalui kaedah NGT.

DEFINISI OPERASI KONSTRUK DARURIYYAT

Bagi memastikan kejelasan konsep dalam kajian ini, konstruk Daruriyyat ditakrifkan secara operasional berdasarkan lima elemen utama Maqasid Syariah, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-'aql), pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), dan pemeliharaan harta (hifz al-mal). Definisi operasi ini digunakan untuk membimbing proses penilaian kebolegunaan oleh pakar melalui kaedah Nominal Group Technique (NGT).

Pemeliharaan Agama (Hifz al-Din)

Dalam konteks hotel patuh Syariah, pemeliharaan agama ditakrifkan sebagai penyediaan persekitaran dan perkhidmatan yang membolehkan tetamu Muslim menunaikan ibadah dengan sempurna. Elemen ini merangkumi penyediaan kemudahan solat, arah kiblat yang tepat, kit ibadah, makanan dan minuman halal, serta polisi bebas daripada aktiviti yang bercanggah dengan Syariah.

Pemeliharaan Nyawa (Hifz al-Nafs)

Pemeliharaan nyawa ditakrifkan sebagai usaha memastikan keselamatan, kesihatan, dan kesejahteraan tetamu sepanjang berada di hotel. Aspek ini melibatkan pematuhan kepada piawaian keselamatan, penyediaan persekitaran yang bersih, makanan yang sihat, serta sistem kecemasan dan kesihatan yang berkesan.

Pemeliharaan Akal (Hifz al-'Aql)

Pemeliharaan akal ditafsirkan sebagai perlindungan terhadap minda dan pemikiran tetamu dengan menghindarkan mereka daripada unsur yang boleh merosakkan akal. Hal ini termasuk larangan penjualan alkohol, dadah, dan aktiviti hiburan yang tidak bermoral, serta galakan terhadap aktiviti yang mendidik dan bermanfaat.

Pemeliharaan Keturunan (Hifz al-Nasl)

Pemeliharaan keturunan ditakrifkan sebagai penyediaan polisi dan perkhidmatan yang memelihara maruah serta hubungan kekeluargaan. Antaranya termasuk polisi larangan pasangan bukan mahram berkongsi bilik, pemisahan fasiliti tertentu mengikut jantina seperti kolam renang atau spa, serta larangan aktiviti yang boleh mencemar kehormatan.

Pemeliharaan Harta (Hifz al-Mal)

Pemeliharaan harta ditakrifkan sebagai jaminan keadilan dan ketelusan dalam urusan kewangan serta perlindungan terhadap barangan tetamu. Elemen ini meliputi kadar caj yang jelas, transaksi yang telus, penyediaan kemudahan peti simpanan selamat, dan polisi ganti rugi sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan harta pelanggan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan Design and Development Research (DDR) jenis II yang menekankan proses pembangunan model secara berfasa (Richey & Klein, 2014). Fokus utama kajian ini adalah pada fasa penilaian yang bertujuan menilai kebolehgunaan konstruk Daruriyyat sebagai asas Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah. Bagi tujuan tersebut, kaedah Nominal Group Technique (NGT) digunakan untuk mendapatkan konsensus pakar secara sistematik dan berstruktur.

Kaedah ini dipilih kerana ia memberi ruang yang sama kepada semua peserta dalam proses penilaian, menggabungkan elemen kuantitatif dan kualitatif, serta menghasilkan keputusan yang lebih objektif (Delbecq et al., 1975; Harvey & Holmes, 2012). Seramai tujuh orang pakar telah dilibatkan dalam kajian ini. Pemilihan mereka dilakukan secara purposif berdasarkan kepakaran dalam bidang pengurusan hotel Islam, pengurusan halal, atau Syariah, di samping pengalaman praktikal dalam industri hospitaliti dan institusi berautoriti.

Kepelbagaian latar belakang pakar ini selaras dengan saranan Okoli dan Pawlowski (2004) yang menekankan kepelbagaian perspektif sebagai asas penting bagi menghasilkan penilaian yang lebih komprehensif. Instrumen kajian dibangunkan berasaskan lima elemen utama konstruk Daruriyyat, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-'aql), pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), dan pemeliharaan harta (hifz al-mal).

Setiap pakar diminta memberikan skor awal secara individu menggunakan skala tujuh mata, dengan skor lebih tinggi menunjukkan tahap kesesuaian dan kepentingan yang lebih besar. Proses NGT dalam kajian ini merangkumi beberapa peringkat penting. Pada peringkat pertama, setiap pakar memberikan skor awal terhadap elemen yang dinilai.

Seterusnya, sesi perbincangan berkumpulan dijalankan bagi menilai hujah yang dikemukakan, membolehkan pakar menyemak semula skor masing-masing. Proses ini memastikan semua pandangan didengari secara adil dan memberikan peluang untuk membina hujah kolektif yang lebih kukuh. Konsensus akhir dicapai berdasarkan skor yang telah disemak, sekali gus menghasilkan susunan keutamaan konstruk Daruriyyat yang lebih representatif.

Analisis data dilakukan dengan menggunakan peratusan tahap persetujuan bagi menentukan kesesuaian setiap elemen. Syarat penilaian ditetapkan pada kadar minimum 70.0 peratus untuk mengesahkan kebolehgunaan elemen yang diuji (Delbecq et al., 1975). Selain analisis kuantitatif, perbincangan kualitatif pakar juga direkodkan dan digunakan bagi menyokong interpretasi dapatan. Pendekatan ini memastikan analisis yang dilaksanakan bukan sahaja bersifat angka, tetapi turut mencerminkan dimensi pengalaman dan kepakaran praktikal panel pakar.

DAPATAN KAJIAN

Penilaian kebolehgunaan konstruk Daruriyyat telah dijalankan dengan menggunakan kaedah Nominal Group Technique (NGT) melibatkan tujuh orang pakar daripada pelbagai latar belakang, termasuk akademik, pengamal industri perhotelan dan pegawai berautoriti Syariah. Setiap pakar diminta memberikan skor terhadap lima elemen utama Daruriyyat yang terdiri daripada pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-'aql), pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), dan pemeliharaan harta (hifz al-mal).

Skor diberikan pada skala maksimum tujuh mata, dengan skor yang lebih tinggi menandakan tahap kesesuaian dan kepentingan yang lebih signifikan dalam konteks perkhidmatan hotel patuh Syariah. Hasil penilaian menunjukkan bahawa kelima-lima elemen dalam konstruk Daruriyyat mencapai tahap kesepakatan yang amat tinggi dalam kalangan pakar.

Kesemua elemen memperoleh jumlah skor 48 daripada maksimum 49, dengan peratusan persetujuan 97.96 peratus. Perbezaan kecil hanya berlaku apabila seorang pakar memberikan skor enam berbanding skor tujuh yang diberikan oleh pakar lain. Walau

bagaimanapun, perbezaan ini tidak menjejaskan konsistensi keseluruhan, bahkan menegaskan tahap kesepakatan yang hampir mutlak terhadap kesesuaian setiap elemen Daruriyyat.

Dapatan ini mengesahkan bahawa kelima-lima elemen Daruriyyat dianggap relevan dan kritikal oleh pakar dalam membentuk asas Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah. Pemeliharaan agama dan nyawa sering menjadi keutamaan kerana ia dilihat sebagai prinsip asas dalam menjamin kesejahteraan tetamu Muslim. Pemeliharaan akal, keturunan dan harta pula dilihat saling melengkapi, membentuk satu kerangka menyeluruh yang memastikan semua dimensi Maqasid Syariah dapat dijemakan dalam operasi perhotelan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa konstruk Daruriyyat bukan sahaja sah dari segi teori, malah diiktiraf secara praktikal oleh pakar sebagai tunjang utama kepada pembangunan model. Konsensus tinggi yang dicapai juga membuktikan keberkesanan kaedah NGT dalam menilai kesesuaian elemen secara kolektif, sekali gus memperkukuh keyakinan terhadap aplikasi model ini dalam konteks industri perhotelan Islam di Malaysia.

Penilaian Kebolehgunaan Konstruk Daruriyyat

Penilaian kebolehgunaan konstruk utama model telah dilaksanakan dengan menggunakan Kaedah Nominal Group Technique (NGT) bagi mendapatkan konsensus pakar terhadap kesesuaian konstruk Daruriyyat yang menjadi komponen asas Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia. Konstruk Daruriyyat merangkumi lima elemen utama, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), pemeliharaan nyawa (hifz al-nafs), pemeliharaan akal (hifz al-'aql), pemeliharaan keturunan (hifz al-nasl), dan pemeliharaan harta (hifz al-mal).

Dalam proses penilaian, setiap pakar (P1–P7) memberikan skor awal secara individu terhadap elemen-elemen tersebut berdasarkan tahap kesesuaian dan kepentingannya dalam konteks perkhidmatan hotel patuh Syariah. Skor maksimum yang boleh diberikan ialah tujuh mata, dengan skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap keutamaan yang lebih signifikan.

Seterusnya, sesi perbincangan berkumpulan dilaksanakan bagi menyemak semula skor, menilai hujah yang dikemukakan, serta mencapai konsensus kolektif berhubung kedudukan keutamaan setiap elemen yang dinilai. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan analisis kuantitatif melalui skor penilaian, malah turut mengambil kira pertimbangan kualitatif berdasarkan pengalaman serta kepakaran pakar dalam industri hospitaliti dan Syariah.

Justeru, penggunaan Kaedah NGT membolehkan setiap suara pakar didengari secara adil, menghasilkan keputusan yang lebih objektif, representatif, dan boleh dijadikan asas kukuh dalam membangunkan model perkhidmatan hotel patuh Syariah.

Jadual Dapatan NGT

Jadual 1 Penilaian Kebolehgunaan Elemen dalam Konstruk Daruriyyat

Bil	Kesuaian Konstruk Utama Daruriyyat	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
1	Menjaga Kesejahteraan Agama	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
2	Menjaga Kesejahteraan Akal	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
3	Menjaga Kesejahteraan Maruah	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai
4	Menjaga Kesejahteraan Harta	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Bil	Kesuaian Konstruk Utama Daruriyyat	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
5	Menjaga Kesejahteraan Nyawa	7	7	7	7	7	7	6	48	97.96%	Sesuai

Nota: Syarat peratusan kebolehgunaan $\geq 70.0\%$

Jadual 1 memaparkan penilaian kebolehgunaan lima elemen utama dalam konstruk Daruriyyat berdasarkan skor yang diberikan oleh tujuh orang pakar menggunakan kaedah Nominal Group Technique (NGT). Keputusan menunjukkan bahawa kesemua elemen mencapai tahap persetujuan yang sangat tinggi dengan jumlah skor sebanyak 48 daripada maksimum 49 dan peratusan 97.96 peratus.

Bagi elemen Menjaga Kesejahteraan Agama, majoriti pakar memberikan skor maksimum tujuh, manakala hanya seorang pakar memberikan skor enam. Dapatan ini menggambarkan bahawa penyediaan kemudahan ibadah, makanan halal, dan polisi bebas daripada aktiviti bercanggah Syariah dianggap keutamaan tertinggi dalam konteks perkhidmatan hotel patuh Syariah.

Elemen Menjaga Kesejahteraan Akal turut mendapat tahap persetujuan yang sama, menegaskan kepentingan larangan terhadap elemen yang boleh merosakkan minda seperti alkohol, dadah, dan hiburan tidak bermoral. Begitu juga dengan Menjaga Kesejahteraan Maruah, yang menekankan pemeliharaan keturunan melalui polisi larangan pasangan bukan mahram berkongsi bilik, pemisahan fasiliti mengikut jantina, dan kawalan aktiviti hiburan.

Seterusnya, elemen Menjaga Kesejahteraan Harta juga mencapai peratusan persetujuan yang sama tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa ketelusan transaksi, keselamatan barangan tetamu, serta keadilan dalam urusan kewangan dilihat sebagai komponen kritikal yang tidak boleh ditekankan. Akhir sekali, Menjaga Kesejahteraan Nyawa mendapat tahap persetujuan yang setara, menekankan kepentingan aspek keselamatan, kebersihan, kesihatan dan perlindungan pelanggan sepanjang berada di hotel.

Kesemua dapatan ini membuktikan bahawa kelima-lima elemen Daruriyyat bukan sahaja diiktiraf secara teoritikal, tetapi turut dipersetujui secara praktikal sebagai elemen yang sama-sama penting dan saling melengkapi. Peratusan konsensus yang sangat tinggi juga mengesahkan bahawa konstruk Daruriyyat benar-benar sesuai untuk dijadikan asas pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua lima elemen dalam konstruk Daruriyyat telah mencapai tahap kesepakatan yang sangat tinggi, dengan peratusan persetujuan 97.96 peratus. Kesepakatan ini menggambarkan pengiktirafan yang konsisten daripada pakar bahawa pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta merupakan asas yang tidak boleh ditekankan dalam pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah.

Konsensus hampir mutlak ini selari dengan penegasan para sarjana terdahulu bahawa elemen-elemen Daruriyyat merupakan tunjang utama dalam memastikan kesejahteraan hidup manusia, termasuk dalam konteks sosioekonomi dan perkhidmatan (Auda, 2008; Kamali, 2019). Penekanan yang diberikan terhadap pemeliharaan agama (hifz al-din) dan nyawa (hifz al-nafs) sebagai elemen teratas selaras dengan keutamaan Maqasid Syariah yang menekankan kepentingan menjaga iman dan keselamatan umat Islam.

Dalam konteks hotel patuh Syariah, hal ini dapat diterjemahkan melalui penyediaan ruang solat, makanan halal, polisi bebas arak, serta aspek keselamatan pelanggan. Hasil ini turut konsisten dengan laporan Islamic Tourism Centre (2021) yang menekankan bahawa keperluan asas berkaitan ibadah dan keselamatan merupakan penanda aras utama dalam penilaian standard perkhidmatan mesra Muslim.


Sementara itu, elemen pemeliharaan akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl), dan harta (hifz al-mal) turut diiktiraf dengan tahap kesepakatan yang tinggi. Pemeliharaan akal menuntut polisi hotel bebas daripada aktiviti yang boleh merosakkan minda seperti alkohol dan hiburan melampau. Pemeliharaan keturunan pula merangkumi larangan terhadap aktiviti yang boleh menjejaskan maruah serta pemisahan fasiliti mengikut jantina.

Pemeliharaan harta berkait rapat dengan keadilan transaksi, ketelusan harga, serta jaminan keselamatan barangan tetamu. Penemuan ini selari dengan dapatan kajian Zailani et al. (2019) yang menekankan kepentingan penyelarasan polisi hotel terhadap prinsip Syariah sebagai strategi meningkatkan keyakinan pelanggan Muslim. Kaedah NGT yang digunakan dalam kajian ini turut membuktikan keberkesanannya dalam menghasilkan konsensus yang sah dan representatif.

Seperti dinyatakan oleh Delbecq et al. (1975) dan Harvey dan Holmes (2012), NGT membolehkan gabungan penilaian individu dan perbincangan kolektif menghasilkan keputusan yang lebih objektif. Keberkesanan ini terbukti apabila walaupun terdapat sedikit variasi skor daripada seorang pakar, tahap konsistensi keseluruhan masih sangat tinggi, menunjukkan kesepakatan substantif bahawa kelima-lima elemen Daruriyyat adalah penting dan saling melengkapi.

Secara keseluruhan, perbincangan ini mengesahkan bahawa konstruk Daruriyyat bukan sahaja diterima secara teoritikal dalam literatur, tetapi juga mendapat pengiktirafan praktikal daripada pakar sebagai asas kepada pembangunan model hotel patuh Syariah. Dapatan ini sekali gus menutup jurang kajian yang dikenal pasti, iaitu kekurangan kajian empirikal yang menilai kebolehgunaan konstruk Daruriyyat menggunakan kaedah konsensus pakar yang sistematik.

Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori pembangunan model perkhidmatan hotel patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah serta memberi implikasi praktikal kepada industri hospitaliti Islam dalam memastikan perkhidmatan yang ditawarkan benar-benar memenuhi tuntutan Syariah.



Rajah 1 Rajah Sintesis Dapatan yang menunjukkan bagaimana konstruk Daruriyyat menjadi asas kepada Model Hotel Patuh Syariah

Rajah Sintesis Dapatan menunjukkan konstruk Daruriyyat sebagai asas utama dalam pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah. Kedudukan Daruriyyat di bahagian atas rajah melambangkan peranan utamanya sebagai komponen teras yang menjadi landasan kepada keseluruhan model.

Daripada konstruk Daruriyyat ini, lima elemen utama diturunkan sebagai komponen asas yang membentuk kerangka model. Elemen tersebut ialah Hifz al-Din (Pemeliharaan Agama), Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Nyawa), Hifz al-'Aql (Pemeliharaan

Akal), Hifz al-Nasl (Pemeliharaan Keturunan), dan Hifz al-Mal (Pemeliharaan Harta). Kelima-lima elemen ini digambarkan seimbang dan saling melengkapi, melambangkan kesejahteraan menyeluruh yang perlu dipelihara dalam perkhidmatan hotel.

Anak panah yang menghubungkan konstruk Daruriyyat dengan setiap elemen menggambarkan hubungan langsung dan sokongan asas terhadap keseluruhan model. Dengan kata lain, kesemua polisi, prosedur operasi standard, serta reka bentuk perkhidmatan hotel patuh Syariah mesti berlandaskan kelima-lima prinsip ini bagi memastikan pematuhan Syariah yang holistik.

Kedudukan Hifz al-Mal di bahagian tengah bawah rajah pula melambangkan peranannya sebagai elemen sokongan yang menyeimbangkan kepentingan agama, nyawa, akal, dan keturunan. Hal ini menegaskan bahawa pemeliharaan harta tidak boleh dipisahkan daripada aspek lain kerana ia turut mempengaruhi keselamatan, maruah, dan kesejahteraan tetamu.

Secara keseluruhannya, rajah ini menggambarkan sintesis dapatan kajian yang menegaskan bahawa konstruk Daruriyyat bukan sahaja relevan secara teoritikal, tetapi juga sah secara praktikal berdasarkan konsensus pakar. Kelima-lima elemen Daruriyyat yang dipersetujui menjadi asas paling kukuh dalam membangunkan model hotel patuh Syariah yang selari dengan tuntutan Maqasid Syariah dan aspirasi pelancongan Islam.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberikan implikasi yang signifikan dari aspek teoritikal, praktikal dan polisi. Dari sudut teoritikal, kajian ini memperkukuh literatur berkaitan pembangunan model hotel patuh Syariah dengan menekankan konstruk Daruriyyat sebagai asas utama. Konsensus pakar yang tinggi terhadap kelima-lima elemen Daruriyyat membuktikan bahawa kerangka Maqasid Syariah boleh diaplikasikan secara praktikal dalam konteks perkhidmatan hospitaliti.

Penemuan ini sekaligus menutup jurang kajian yang dikenal pasti dalam literatur terdahulu, iaitu ketiadaan penilaian empirikal yang mengesahkan kebolegunaan konstruk tersebut dalam industri hotel. Kajian ini juga mengukuhkan teori bahawa Maqasid Syariah tidak hanya bersifat normatif, tetapi boleh dijadikan asas dalam membangunkan sistem pengurusan moden yang lebih inklusif dan menyeluruh.

Dari segi praktikal, dapatan kajian memberi panduan langsung kepada pengusaha hotel dalam menggubal polisi, prosedur operasi standard dan strategi pemasaran yang selaras dengan prinsip Syariah. Elemen Hifz al-Din menegaskan keperluan penyediaan kemudahan ibadah dan makanan halal yang terjamin, manakala Hifz al-Nafs menuntut aspek keselamatan, kebersihan dan kesihatan tetamu diberi perhatian khusus.

Hifz al-'Aql menuntut pengusaha hotel menolak unsur yang boleh merosakkan minda seperti alkohol dan hiburan tidak bermoral, sementara Hifz al-Nasl menggariskan kepentingan penyediaan fasiliti yang menjaga maruah serta hubungan kekeluargaan. Hifz al-Mal pula menekankan transaksi kewangan yang telus dan adil bagi mewujudkan kepercayaan pelanggan. Implikasi praktikal ini amat penting kerana ia boleh meningkatkan keyakinan pelanggan Muslim terhadap perkhidmatan hotel, sekali gus memberikan kelebihan daya saing kepada industri perhotelan Islam di Malaysia.

Dari perspektif polisi, kajian ini memberi nilai tambah kepada usaha kerajaan dan agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Standard Malaysia, dan Islamic Tourism Centre (ITC) dalam menggubal dasar dan garis panduan. Dapatan yang menekankan peranan konstruk Daruriyyat boleh dijadikan asas kepada pengukuhan piawaian sedia ada seperti MS2610:2015 Muslim Friendly Hospitality Services (MFHS).

Kajian ini juga menyokong aspirasi Malaysia untuk mengekalkan kedudukan sebagai destinasi utama pelancongan halal global, seperti yang ditunjukkan dalam laporan Global Muslim Travel Index (GMTI). Tambahan pula, implikasi ini boleh dijadikan rujukan dalam penyediaan modul latihan pekerja hotel, pembangunan kurikulum pendidikan hospitaliti Islam, dan pelaksanaan audit pematuhan Syariah yang lebih menyeluruh.

Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menegaskan bahawa pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah bukan sahaja memberikan sumbangan kepada wacana akademik, tetapi turut menawarkan panduan praktikal kepada industri dan menyokong dasar kerajaan dalam memperkukuh ekosistem pelancongan Islam di Malaysia.

PENUTUP

Kajian ini telah menilai kebolehgunaan konstruk Daruriyyat sebagai asas pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah berteraskan Maqasid Syariah di Malaysia. Melalui kaedah Nominal Group Technique (NGT) yang melibatkan tujuh orang pakar daripada pelbagai latar belakang, konsensus yang sangat tinggi dicapai terhadap kelima-lima elemen utama Daruriyyat, iaitu pemeliharaan agama (hifz al-din), nyawa (hifz al-nafs), akal (hifz al-'aql), keturunan (hifz al-nasl), dan harta (hifz al-mal).

Dengan peratusan persetujuan 97.96 peratus, jelas bahawa konstruk ini diiktiraf bukan sahaja dari segi teoritik, tetapi juga dari perspektif praktikal sebagai tunjang utama kepada model yang dicadangkan. Dapatan ini memberikan sumbangan penting kepada bidang akademik dan industri. Dari sudut akademik, kajian ini menutup jurang literatur dengan menyediakan bukti empirikal mengenai kesesuaian konstruk Daruriyyat dalam konteks perhotelan Islam.

Ia turut memperkukuh kerangka teori Maqasid Syariah dalam pembangunan model hospitaliti yang sistematik dan menyeluruh. Dari sudut praktikal, kajian ini memberi panduan kepada pengusaha hotel dalam menggubal polisi, prosedur operasi standard, dan reka bentuk perkhidmatan yang benar-benar selaras dengan tuntutan Syariah.

Walau bagaimanapun, kajian ini terbatas kepada penilaian konstruk Daruriyyat sahaja dan melibatkan bilangan pakar yang terhad. Oleh itu, kajian lanjutan disarankan untuk memperluaskan skop penilaian kepada konstruk Hajiyyat dan Tahsiniyyat bagi melengkapkan kerangka model. Selain itu, penggunaan kaedah triangulasi seperti gabungan Fuzzy Delphi Method (FDM) dengan NGT atau kajian lapangan melalui soal selidik pelanggan boleh dipertimbangkan bagi menambah keteguhan dapatan.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mengesahkan bahawa konstruk Daruriyyat merupakan landasan paling kukuh dalam pembangunan Model Perkhidmatan Hotel Patuh Syariah. Implikasi daripada dapatan ini memberi keyakinan bahawa model yang dibangunkan berupaya diaplikasikan secara praktikal dalam industri hospitaliti Islam, sekali gus menyumbang kepada aspirasi Malaysia sebagai peneraju utama pelancongan patuh Syariah di peringkat global.

RUJUKAN

- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah: A beginner's guide*. The International Institute of Islamic Thought.
- Battour, M., & Ismail, M. N. (2016). Halal tourism: Concepts, practices, challenges and future. *Tourism Management Perspectives*, 19, 150–154. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2015.12.008>
- Delbecq, A. L., Van de Ven, A. H., & Gustafson, D. H. (1975). Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi processes. Scott Foresman.
- Dusuki, A. W., & Abdullah, N. I. (2007). Maqasid al-Shari'ah, Maslahah, and corporate social responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 24(1), 25–45.
- Harvey, N., & Holmes, C. A. (2012). Nominal group technique: An effective method for obtaining group consensus. *International Journal of Nursing Practice*, 18(2), 188–194. <https://doi.org/10.1111/j.1440-172X.2012.02017.x>
- ITC. (2021). *Muslim-friendly hospitality services guidelines*. Islamic Tourism Centre, Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia.
- Kamali, M. H. (2019). *Maqasid al-Shariah made simple* (2nd ed.). International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.

- Kamarudin, L. M., & Ismail, H. N. (2020). Muslim-friendly hospitality: Issues and challenges in Malaysia. *Journal of Halal Industry & Services*, 3(1), 45–55.
- Okoli, C., & Pawlowski, S. D. (2004). The Delphi method as a research tool: An example, design considerations and applications. *Information & Management*, 42(1), 15–29. <https://doi.org/10.1016/j.im.2003.11.002>
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2014). Design and development research. In J. M. Spector et al. (Eds.), *Handbook of research on educational communications and technology* (pp. 141–150). Springer.
- Samori, Z., Md Salleh, N. Z., & Khalid, M. M. (2016). Current trends on halal tourism: Cases on selected Asian countries. *Tourism Management Perspectives*, 19, 131–136. <https://doi.org/10.1016/j.tmp.2015.12.011>
- Zailani, S., Omar, A., & Kopong, S. (2019). Adoption of Halal standards among hotel industry in Malaysia: An exploratory study. *Journal of Islamic Marketing*, 10(4), 1077–1096. <https://doi.org/10.1108/JIMA-08-2017-0089>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.